



**MEMPERKASA
PEMASARAN
KUIS**

M.O.U DAN
KEPENTINGANNYA

kembang gontor

PROGRAM
KHIDMAT
UMMAH

ÇÍNTÃ
ÍLMI
TARAINÚM

SIDANG PENGARANG

TINTA PENGARANG

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

Alhamdulillah, Buletin Horizon dapat diterbitkan dalam bulan yang penuh barakah ini. Sidang Pengarang mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua warga KUIS. Ramadhan Karim! Semoga kebaikan meliputi semua kakinan KUIS sepanjang tahun dan segala amalan baik yang dilakukan diterima dan direhui oleh Allah SWT.

Tumpuan penerbitan Buletin Horizon pada kali ini ialah Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat yang telah diadakan pada 14 Ramadhan 1435 (12 Julai 2014) di perkangan Masjid Al-Azhar KUIS. Seluruh warga KUIS amat berbesar hati dan menjunjung kasih atas kehadiran DYMM Sultan Selangor ke majlis ini dan seterusnya berkenan menunaikan solat fardhu Maghrib, Isyak serta solat sunat Tarawih bersama-sama sekalian rakyat yang hadir. Dalam majlis ini juga, Y.Bhg. Dato' Rektor KUIS telah menyembah maklum beberapa perkara berkaitan perkembangan terkini KUIS kepada DYMM Sultan Selangor. Sedutan ucapan beliau dimuatkan dalam buletin kali ini untuk membolehkan semua pihak meneliti dan memahami ionjakan yang dicuba dilakukan oleh KUIS ke arah menjadi sebuah universiti wakaf menjelang 2016.

Tumpuan turut diberikan kepada promosi dan pemasaran KUIS. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang berdikari, KUIS sentiasa berusaha memastikan kewujudannya bersifat lestari dan manfaatnya mampu diwarisi oleh generasi masa depan. Salah satu cara untuk memastikan kelestarian KUIS ialah menjadikan KUIS kekal "relevant" dan perkhidmatannya diperlukan sepanjang masa. Masyarakat setempat dan juga antarabangsa perlu dimaklumkan bahawa KUIS wujud dan sentiasa siap sedia memberikan perkhidmatan pendidikan terbaik kepada generasi muda bakal da'i, ulama dan umara'. Sehubungan itu, usaha promosi dan pemasaran KUIS harus digerakkan sepanjang masa secara sistematis dan sampai kepada golongan sasaran. Bagi menghuraikan perkara ini dengan lebih jelas, intipati ucapan Y.Bhg. Dr. Zulkifli Abdul Hamid dalam Mesyuarat Sekretariat Pemasaran KUIS pada 13 Februari 2014 dikongsi untuk bacaan dan penghayatan semua pihak.

Di samping itu, buletin kali ini turut memaparkan maklumat dan berita berkaitan ilmu tarannum, kepentingan MoU kepada institusi pengajian tinggi, lawatan "bench-marking" fakulti, aktiviti pelajar di peringkat antarabangsa, serta khidmat ummah KUIS.

Akhir kata, Sidang Pengarang mengambil kesempatan ini menjemput semua kakinan KUIS yang berminat dan berkebolehan menulis berita, maklumat dan sebagainya berkaitan KUIS untuk menghantar penulisan masing-masing kepada Buletin Horizon bagi diterbitkan dalam keluaran akan datang. Semoga perkongsian maklumat ini menjadikan kita warga yang prihatin kepada perkembangan KUIS.

KUIS - Disini Lahirnya Da'i, Ulama dan Umara'

Ikhlas,
Mokhtar Hj. Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Penaung

Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

Editor

Mokhtar Ismail

Ani Abd Jalil

Wartawan

Mohd Hanif Mat Noor

Norizatini Norali

Abdul Halim Syihab

Nurhayati Surip

Perunding Grafik & Jurugambar

Noor Hazian Abdullah

Pembaca Pruf

Norulaina Abdul Aziz

HADIS BEKERJASAMA

Daripada Nuh bin Basyir bahawa
Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Gambaran kehidupan orang-orang yang beriman dari segi kasih sayang, saling bersimpati dan saling mencintai samalah seperti anggota tubuh yang jika salah satu daripadanya mengadu kesakitan, ia melibatkan seluruh anggota lain yang tidak tidur malam dan demam".

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim".





Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat

Oleh: Mohd Hanif Mat Noor

Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta Segala Daerah Takluknya, telah berkenan berangkat hadir ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat pada 12 Julai 2014 (Sabtu) bertempat di perkarangan Masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Majlis ini turut dihadiri oleh Y.A.B Menteri Besar Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri, Kerabat-kerabat Diraja, Y.A.D Mufti Selangor, Y.A.D Pengurus MAIS dan beberapa jemputan khas yang lain. Dalam majlis ini, DYMM Sultan Selangor berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 600 orang ahli asnf zakat yang terdiri daripada fakir, miskin, anak yatim dan muallaf.

Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Rektor KUIS dalam ucapannya telah menyembah maklum kepada DYMM Sultan Selangor mengenai perkembangan dan kemajuan terkini yang telah dicapai oleh KUIS. Antaranya, KUIS sedang berusaha gigih untuk mencapai status sebuah universiti penuh menjelang 2016. Bagi merealisasikan wawasan itu, KUIS sedang giat membangunkan 7 program akademik baharu sebagai tambahan kepada 1 program Doktor Falsafah, 2 program Sarjana, 18 program Sarjana Muda, 23 program Diploma dan 5 program Asasi sedia ada. Program baharu yang dibangunkan ialah Sarjana Komunikasi Islam, Sarjana Kewartawanan, Sarjana Islamiyyat, Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia, Sarjana Muda TESL dengan Multimedia, Sarjana Muda Bahasa Inggeris dan Komunikasi Korporat dan Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid dan Pembangunan Komuniti.

Penubuhan pusat kecemerlangan peringkat antarabangsa juga menjadi agenda KUIS dalam usaha mencapai taraf universiti penuh. KUIS telah menubuhkan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF) yang bekerjasama dengan Institut Latihan dan Penyelidikan Islam (IRTI), sebuah institut di bawah Bank Pembangunan Islam (IDB) berpusat di Jeddah, Arab Saudi. Sebuah lagi pusat kecemerlangan yang telah diluluskan penubuhannya ialah Pusat Pengembangan Akidah dan Latihan Pendakwah Ahli Sunnah Wal Jamaah bertujuan untuk bersama-sama memberikan sumbangan kepada usaha meninggikan syiar Islam di Selangor khususnya dan Malaysia amnya.

Di samping itu, KUIS berhasrat menjadi sebuah Universiti Wakaf yang pertama di Malaysia. Sebagai langkah awal, KUIS telah memohon dan mendapatkan keizinan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk menerima sumbangan wakaf dari orang ramai. Rektor KUIS menyeru kepada sidang hadirin agar bersama-sama memberikan sumbangan wakaf di KUIS agar penubuhan universiti wakaf ini dapat dilaksanakan secepat mungkin. Selain wakaf, KUIS turut mendapat keizinan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk menerima bayaran zakat dari orang ramai yang akan digunakan untuk manfaat golongan yang berhak terutamanya anak-anak asnf yang sedang mengikuti pengajian di KUIS.

Dato' Dr. Ab. Halim juga menyatakan bahawa KUIS sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan pengurusan prestasinya melalui pelaksanaan Key Performance Indicator (KPI) yang mapan. Pelan Strategik KUIS 2014-2018 telah diwujudkan dan berfungsi sebagai rujukan untuk semua kakitangan KUIS memahami pelan tindakan dan sasaran kerja masing-masing. Seterusnya, Rektor KUIS menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor atas pinjaman mudah bernilai RM 48.5 juta yang bertujuan untuk membiayai pembangunan dan proses naik taraf fasiliti bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.

Rektor KUIS pada akhir ucapannya berharap kemajuan KUIS akan terus disokong oleh semua pihak. Beliau juga mewakili seluruh jemputan yang hadir mendoakan kesejahteraan DYMM Sultan Selangor serta kerabat-kerabat baginda, berterima kasih kepada semua agensi, badan kerajaan dan bukan kerajaan serta individu yang bertungkus lumus menjayakan Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat pada hari ini.

SUASANA MAJLIS BERBUKA PUASA PADA 12 JULAI 2014



Ucapan Rektor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Di Majlis Berbuka Puasa D.Y.M.M. Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian
Sumbangan Hari Raya

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillahi rabbil'alamin wassalatu wassalam 'ala Rasulillai wa 'ala alihia wasahbihi ajma'in.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Patik bagi pihak sekalian yang hadir, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi mencemar Duli berangkat hadir bagi menyempurnakan majlis berbuka puasa bersama rakyat dan penyampaian sumbangan hari raya bagi daerah Hulu Langat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pada petang yang penuh barakah ini, patik dan sekalian rakyat sentiasa mendoakan agar Allah swt melimpahkan rahmat dan kesejahteraanNya yang tidak terhingga bagi Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Amin ya rabbal a'lamin.

Ampun Tuanku,

Patik mohon untuk menyembah maklum ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku beberapa perkara mengenai perkembangan dan kemajuan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada masa ini.

Ampun Tuanku,

Alhamdulillah dengan izin Allah KUIS telah menjangkau usia 19 tahun, sejak awal penubuhannya pada tahun 1995. Pelbagai perubahan dan kemajuan telah dicapai yang mana hasilnya boleh dilihat pada masa kini. Segala rintangan dan cabaran dilalui bersama warga KUIS demi memastikan kelangsungan institusi pengajian tinggi Islam di bawah Negeri Naungan Tuanku. Sehingga kini KUIS telah berjaya membangunkan 5 program asasi, 23 program diploma, 18 program sarjana muda, 2 program sarjana dan 1 program doktor falsafah



yang kesemuanya telah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Di samping itu, KUIS telah berjaya melahirkan lebih 12,000 orang graduan yang mana kebanyakannya mereka telah berkhidmat di dalam sektor kerajaan maupun swasta. KUIS juga amat bersyukur kerana ada antara mereka telah menjadi penerus generasi Da'i, Ulama Dan Umara'.

Ampun Tuanku,

Baru-baru ini KUIS telah menerima pelajar baharu seramai 2071 orang untuk Sesi 1/2014 iaitu peningkatan sebanyak 70 peratus berbanding pengambilan Sesi 1/2013. Manakala jumlah pelajar yang membuat permohonan iaitu seramai 12,442 orang iaitu peningkatan sebanyak 170 peratus. Ini bermakna, jumlah keseluruhan pelajar KUIS pada masa ini adalah 5565 orang. Jumlah ini termasuklah pelajar-pelajar jurusan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran & al-Qiraat iaitu seramai 223 orang. Peningkatan jumlah ini membuktikan keyakinan rakyat & masyarakat terhadap sistem pendidikan di KUIS. Inshaa Allah, pihak KUIS berharap peningkatan berterusan untuk pengambilan pada sesi kedua bulan November akan datang.

Ampun Tuanku,

KUIS kini berusaha mencapai status universiti penuh menjelang tahun 2016. Beberapa perkara telah dirancang dan telah dilaksanakan khusus untuk mencapai wawasan ini antaranya:

Pertama, penawaran program pasca siswazah iaitu

Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Muamalah), Ijazah Sarjana Syariah (Pengurusan) dan Doktor Falsafah Islamiyyat. Penawaran program ini adalah bagi menggalakkan usaha melahirkan lebih ramai profesional dan penyelidik yang Islamik di samping memupuk dan meneruskan usaha untuk melakukan penyelidikan ilmiah.

Kedua, penambahan program pengajian yang juga merupakan faktor penentu kejayaan wawasan ini.

Antara program pengajian yang bakal dilaksanakan ialah:

- i) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia,
- ii) Ijazah Sarjana Muda TESL Dengan Multimedia,
- iii) Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Dan Komunikasi Korporat,
- iv) Ijazah Sarjana Kewartawanan,
- v) Ijazah Sarjana Komunikasi Islam,
- vi) Ijazah Sarjana Islamiyyat

dan beberapa lagi program yang telah dirancang

Penambahan program ini adalah bertujuan menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian di KUIS, di samping meningkatkan kebolehpasaran graduan KUIS dan memenuhi keperluan industri masa kini. Bagi meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan Negeri Selangor, pihak KUIS telah merancang untuk menjalankan program Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid dan Pembangunan Komuniti bagi semua bakal-bakal imam, pegawai masjid, dan ahli jawatankuasa masjid seluruh Selangor.

Ketiga, menggalakkan peningkatan jumlah pelajar yang berdaftar untuk mengikuti pengajian di KUIS. Promosi yang agresif adalah kritikal sebagai usaha memastikan orang ramai mengetahui program yang ditawarkan. Kerjasama dari seluruh warga KUIS amat bermakna kerana ia akan mewujudkan senergi baru dalam usaha mencapai kejayaan agar segala nikmat kebersamaan dapat dirasai oleh semua.

Keempat, bagi merangka dan meningkatkan potensi akademik, modal insan, hala tuju mahasiswa, sistem teknologi maklumat dan pentadbiran kewangan, KUIS telah melaksanakan Key Performance Indicator (KPI), sebagai garis panduan prestasi dan menjadi penentu kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan itu juga, Pelan strategik KUIS 2014 – 2018 telah diwujudkan

Kelima, KUIS berhasrat untuk menjadi Universiti Wakaf yang pertama di Malaysia. Sehubungan itu, KUIS telah diberi kebenaran oleh Perbadanan Wakaf Selangor untuk menerima sumbangan wakaf dari orang ramai. Patik menyeru kepada orang ramai agar berwakaf di KUIS. Segala sumbangan wakaf bertujuan untuk pembangunan pendidikan. Bagi menambah dana wakaf, KUIS juga berusaha mendapatkan sumbangan wakaf dari luar negara.

Keenam, KUIS dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor telah menubuhkan Pusat Zakat pendidikan di KUIS. Zakat pendidikan ini adalah merupakan penyumbang kepada pembangunan pendidikan yang lebih mampan. Sejak sebulan penubuhannya, Pusat zakat KUIS telah berjaya mengutip sebanyak RM 86,500.00 daripada orang ramai. Patik dengan rasa rendah hati menjemput para hadirin sekalian untuk berzakat di pusat zakat KUIS untuk sumbangan pembangunan pendidikan islam di KUIS.

Ampun Tuanku,

KUIS amat berterima kasih atas bantuan dana pinjaman mudah (softloan) daripada kerajaan negeri Selangor yang bernilai RM 48.5 juta bertujuan melancarkan pembangunan fasiliti dan menaik taraf dan pembinaan fasiliti baru untuk menampung keperluan pelajar yang semakin meningkat. Antara pembangunan yang bakal dilaksanakan ialah bangunan akademik bagi menempatkan fakulti baru iaitu Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial, perpustakaan, kompleks sukan dan kompleks aktiviti pelajar agar dapat memberi keselesaan kepada mahasiswa semasa dalam sesi pembelajaran, perlaksaan program dan aktiviti riadah.

Ampun Tuanku,

KUIS juga sedang giat melakukan kegiatan pengajuran seminar-seminar dan persidangan peringkat tempatan dan antarabangsa. Pengajuran program yang dikendalikan oleh setiap fakulti ini bertujuan untuk menggalakkan pembentangan penyelidikan dan idea baharu oleh warga KUIS selain melahirkan lebih ramai penyelidik di KUIS.

KUIS juga optimis dan serius dalam membangunkan pusat pusat penyelidikan yang bertaraf antarabangsa. Antara pusat penyelidikan yang telah ditubuhkan ialah Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi Dan Kewangan Islam (IRCIEF) yang bekerjasama dengan Institut Latihan & Penyelidikan Islam (IRTI) di bawah Bank Pembangunan Islam (IDB) yang

berpusat di Jeddah, Arab Saudi. Adalah diharapkan pusat ini dapat menarik minat penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar negara untuk melakukan kajian berkaitan pembangunan ekonomi dan kewangan Islam.

KUIS juga bakal menujuhkan Pusat Pengembangan Akidah dan Latihan Pendakwah Ahli Sunnah Wal Jamaah selaras dengan hasrat KUIS untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor meninggikan syiar Islam.

Ampun Tuanku,

Di dalam meningkatkan kerjasama serantau, KUIS sedang giat menjalin kerjasama dengan termeterainya MOA dan MOU bersama beberapa institusi pendidikan, agensi kerajaan dan swasta dari dalam dan luar negara untuk pembangunan pendidikan. KUIS juga membuka ruang kepada institusi serantau untuk membuat lawatan mahabbah ke KUIS agar kerjasama dan usaha bersepdua terus terjalin.

KUIS amat berterima kasih kepada rakan korporat yang sudi memberi sumbangan demi pembangunan akademik dan sahsiah pelajar. Antaranya Penajaan Biasiswa daripada Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd., sumbangan zakat pendidikan daripada Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS), dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. KUIS amat mengalu-alukan sumbangan daripada badan-badan korporat yang lain dalam usaha membangunkan pendidikan Islam di Selangor.

Ampun Tuanku,

KUIS juga tidak merupakan golongan yang kurang berkemampuan dan dalam kesusahan. Kegiatan program khidmat ummah (CSR) menjadi sebahagian sumbangan KUIS kepada masyarakat. Adalah diharapkan khidmat dan bantuan yang diberikan dapat mengurangkan sedikit sebanyak kesusahan yang dihadapi. Program khidmat ummah akan dipergiat dengan lebih meluas dan pembabitan warga KUIS secara keseluruhan amat di galakkam.

Sidang hadirin sekalian...

Pada petang ini, selain majlis berbuka puasa, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada anak-anak yatim, fakir, miskin dan saudara baru di daerah ini yang sebagiannya merupakan pelajar KUIS. Apa yang diharapkan adalah sumbangan ini dapat meringankan beban

yang ditanggung oleh penerima-penerima tersebut disamping memenuhi hak-hak kepada mereka yang layak untuk menerima sumbangan.

Akhir kalam, patik ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Daerah Hulu Langat, JKR, Pejabat Agama Islam Daerah dan semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada petang ini.

Ampun Tuanku,

Sebelum mengundur diri, patik sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk berangkat hadir di majlis yang sangat bermakna ini.

Patik dan warga Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor serta hadirin sekalian sentiasa mendoakan kesejahteraan yang berpanjangan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Di kesempatan ini, patik dan sekalian rakyat negeri Selangor memanjatkan doa dan memohon keselamatan dan kesejahteraan ke atas Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Puteri-Puteri Tuanku, Adinda-Adinda Tuanku, Waris-Waris, dan Kerabat Di Raja sekalian agar sentiasa berada dalam iman dan taqwa, sihat walafiat dengan rezeki yang melimpah ruah serta kesejahteraan kepada para pemimpin dan rakyat sekalian. Amin ya rabbal alamin...

Ampun Tuanku,

Sekian sembah ucapan patik,

Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warah-matullahi wabarakatuh...



MEMPERKASA PEMASARAN KUIS

Oleh: Mokthar Hj. Ismail

Aktiviti pemasaran KUIS diberikan perhatian yang lebih serius mulai penghujung 2013. Pengurusan KUIS telah memperkasakan lagi Bahagian Pembangunan Korporat (BPK) dengan merombaknya dan menubuhkan Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK) atau "Marketing and Communication Department" (MARCOM) mulai Januari 2014. Matlamat utama penubuhan BPK ialah untuk menyelaras semua perkara berkaitan pemasaran dan komunikasi KUIS dengan masyarakat tempatan dan antarabangsa.

BPK juga telah diletakkan di bawah pemantauan Y.Bhg. Dr. Zulkifli Abd. Hamid, Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan dan Pengantarabangsaan). Tujuannya ialah bagi memastikan gerak kerja yang dilakukan adalah selaras dan bertepatan dengan dasar serta keperluan pembangunan dan pengantarabangsaan KUIS secara keseluruhan.

Sebelum menyertai KUIS, Dr. Zulkifli Abdul Hamid bertugas di beberapa agensi milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Beliau berpengalaman luas dalam bidang pengurusan institusi dan juga badan bukan kerajaan (NGO). Dalam satu perjumpaan pada 13 Februari 2014 bertempat di Anjung Rektor, beliau telah berkongsi pengalaman tersebut dan memberikan panduan berharga yang boleh digunakan oleh BPK dan Sekretariat Pemasaran KUIS untuk melakukan pemasaran yang mantap.

Antara intipati ucapan beliau ialah KUIS perlu mempunyai kerangka pemasaran atau "marketing framework" yang jelas bagi memastikan semua pendekatan pemasaran diterokai dan sasaran tercapai. Tegasnya, KUIS ialah sebuah institusi pendidikan tinggi Islam (IPTI) yang menawarkan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) kepada masyarakat umum. Perkhidmatan P&P ini pula diterjemahkan dalam bentuk program-program akademik di peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Sehubungan itu, beliau menasihatkan BPK dan Sekretariat Pemasaran KUIS agar memahami program akademik yang ditawarkan terlebih dahulu dan seterusnya mengenalpasti kumpulan sasaran yang dikehendaki.

Beliau juga menegaskan bahawa aktiviti pemasaran yang dilakukan oleh warga KUIS adalah merupakan amal jariah kerana membuka peluang kepada bakal pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat



Dr.Zulkifli Abd Hamid bersama Pengurus Besar Agihan Lembaga Zakat Selangor semasa Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor bersama Rakyat di KUIS.

yang lebih tinggi. Kejayaan pelajar dalam akademik pastinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup pelajar dan keluarganya. Dalam ertikata lain, pihak yang terlibat dalam aktiviti pemasaran KUIS sebenarnya telah membantu pelajar memperbaiki keadaan diri dan keluarganya. Beliau memaklumkan bahawa tidak semua lulusan SPM dan STPM sedar mengenai peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab BPK dan Sekretariat Pemasaran KUIS khasnya serta seluruh warga KUIS amnya untuk membantu mereka dengan menyalurkan maklumat yang bersesuaian mengenai peluang pengajian tinggi yang ditawarkan oleh KUIS.

Dr. Zulkifli turut menyatakan bahawa penglibatan semua warga KUIS dalam aktiviti pemasaran amat diperlukan. Mereka berperanan untuk membantu KUIS terus beroperasi dan berdaya saing serta kekal "relevant" kepada masyarakat. Kemasukan pelajar yang ramai ialah salah satu perkara yang menjamin perkara tersebut. Ringkasnya, setiap kakitangan perlu mengambil tanggungjawab untuk memperkenalkan KUIS kepada masyarakat umum agar mereka lebih mengenali institusi ini dan perkhidmatan yang ditawarkannya. Aktiviti promosi dan pemasaran perlu dilipatgandakan bagi menarik sebanyak mungkin permohonan kemasukan ke KUIS. Sasaran yang telah ditetapkan oleh Pengurusan KUIS bagi Sesi I 2014/2015 ialah 10,000 permohonan dan jumlah kemasukan pelajar baru disasarkan seramai 3,000 orang.

Alhamdulillah, berkat panduan dan nasihat dari Dr. Zulkifli Abdul Hamid dan juga usaha gigih semua warga KUIS, sasaran pemasaran bagi Sesi I 2014/2015 iaitu mendapatkan permohonan sebanyak 10,000 telah dicapai. Angka sebenar permohonan dari calon pelajar yang telah diterima oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) melebihi 12,000 dan jumlah kemasukan ialah 2,083 orang pelajar.

Kini, KUIS memasuki fasa baru dalam usaha menarik lebih ramai pelajar untuk mendaftar dan mengikuti pengajian dalam Sesi II 2014/2015. Tarikh pendaftaran pelajar baharu ialah pada 5 November 2014 bagi program asasi dan 19 November 2014 bagi program diploma dan sarjana muda. Tempoh pemasaran yang terhad iaitu antara Ogos hingga Oktober 2014 merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh BPK dan Sekretariat Pemasaran KUIS. Mudah-mudahan, semua pengalaman, panduan dan nasihat yang disampaikan oleh Dr. Zulkifli Abd. Hamid dalam perjumpaan tersebut terus dimanfaatkan oleh semua warga KUIS demi memperkasakan pemasaran KUIS.




Kesan pemasaran dapat dilihat pada hari pendaftaran kemasukan Jun 2014

INFO-GRAFIK KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2014



2083
Pelajar Baharu
Sesi I, 2014/2015

170%
Peningkatan
Permohonan Pelajar



JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR KUIS
SEHINGGA 18 JULAI 2014
5560

M.O.U DAN KEPENTINGANNYA KEPADAA PERKEMBANGAN KUIS

Oleh: Mokthar Hj. Ismail

Perjanjian Persefahaman atau Memorandum of Understanding (MoU) ialah satu bentuk persetujuan di antara dua buah institusi untuk bekerjasama secara lebih mendalam dalam pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama. Perjanjian persefahaman ini mempunyai tempoh aktif tertentu, bergantung kepada kehendak kedua-dua belah pihak yang menandatanganinya. Tempoh purata perjanjian persefahaman berkuatkuasa ialah selama lima tahun dengan pilihan untuk diperbaharui bagi tempoh yang sama atau kurang.

Pada dasarnya, MoU yang ditandatangani bermatlamatkan membuka ruang kerjasama di antara dua institusi dalam bidang yang telah dikenalpasti mampu memajukan kedua-dua institusi secara serentak. Sinergi yang terbentuk dari MoU diharapkan dapat membawa hasil yang lebih produktif berbanding jika sesebuah institusi bergerak secara sendirian.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sentiasa bersikap terbuka untuk mengadakan MoU dengan institusi pengajian tinggi lain, samada di peringkat tempatan maupun antarabangsa, bagi mencipta peluang kerjasama strategik demi manfaat bersama. Sehingga kini, KUIS telah menandatangani MoU dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara seperti yang tersenarai dalam Jadual 1.

Jadual 1

Senarai MoU KUIS dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain dan organisasi korporat yang masih berkuatkuasa

Bil.	Institusi Pengajian Tinggi / Organisasi Korporat	Tarikh Berkuatkuasa	
		Dari	Sehingga
a.	Kolej Teknologi Darulnaim (KTD), Kota Bharu, Kelantan, Malaysia	11 Mac 2013	10 Mac 2018
b.	Karangkraf Sdn. Bhd.	3 Feb 2014	2 Feb 2019
c.	Kolej Hafiz, Kelang, Selangor, Malaysia	15 Mei 2014	14 Mei 2019
d.	Madrasah Al-Sagoff Al-Arabiah, Singapura	30 April 2014	29 April 2019
e.	Madrasah Al-Junied Al-Islamiah, Singapura	30 April 2014	29 April 2019
f.	Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia (UPMI), Medan, Indonesia	28 Mei 2014	27 Mei 2019
g.	Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Ekuitas, Bandung, Jawa Barat, Indonesia	11 Jun 2014	10 Jun 2019
h.	Universitas Dehasen (UNIVED), Bengkulu, Indonesia	19 Jun 2014	18 Jun 2019
i.	Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Pekalongan, Jawa Tengah, Indonesia	24 Jun 2014	23 Jun 2019
j.	Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia	24 Jun 2014	23 jun 2019

Antara intipati MoU yang telah ditandatangani oleh KUIS bersama semua institusi pengajian tinggi dan organisasi korporat yang tersenarai dalam Jadual 1 ialah seperti berikut:

- menggalakkan hubungan di antara pensyarah, pegawai dan pelajar kedua-dua institusi.
- menggalakkan kerjasama dalam aktiviti pengajaran, penyelidikan dan penerbitan.
- membangunkan dan menggiatkan kerjasama berkaitan penganjuran seminar, persidangan dan bengkel.
- menyokong skim pertukaran pensyarah dan penyelidik di antara kedua-dua institusi.
- membangunkan program akademik dan penyelidikan secara bersama.
- menyediakan laluan akademik yang terbaik bagi pelajar dari institusi masing-masing untuk menyambung pengajian di institusi rakan kerjasama.
- memudahkan kerjasama strategik dalam sebarang bidang berkaitan yang boleh membawa manfaat kepada kedua-dua institusi.
- penajaan biasiswa pendidikan kepada pelajar yang berkelayakan.

MoU yang ditandatangani sebenarnya telah membuka ruang yang amat luas terutamanya bagi perkembangan positif KUIS. Banyak aktiviti yang mampu memberikan pulangan baik untuk KUIS, seperti mana yang terdapat dalam intipati MoU, dapat dilakukan.

Pertama ialah penganjuran seminar, persidangan dan bengkel di peringkat antarabangsa. KUIS, melalui fakulti dan akademi yang ada, boleh mengambil sikap pro-aktif menghubungi beberapa rakan MoU yang tersebar dalam Jadual 1 dan mencadangkan penganjuran persidangan peringkat antarabangsa secara bersama. Peserta utamanya ialah para pensyarah dari KUIS dan juga institusi rakan MoU. KUIS boleh memohon agar setiap institusi bersetuju menghantar 20 peserta dan 20 kertas kerja. Jika terdapat empat buah IPT bersetuju untuk bersama-sama menganjurkan persidangan tersebut, itu mendapatkan peserta dan jumlah kertas kerja yang mencukupi boleh dianggap selesai. Persidangan tersebut telah mempunyai 100 peserta dan 100 kertas kerja. Tambahan pula, promosi dan pemasaran yang cekap dan berkesan oleh semua IPT terlibat mampu memberikan impak positif dalam bentuk penyertaan lebih ramai dari pensyarah luar pula. Di samping itu, penganjuran persidangan seperti ini turut membantu pensyarah dan fakulti di KUIS untuk mencapai petunjuk prestasi utama (key performance indicators) masing-masing yang telah ditetapkan pada awal tahun.

Kedua, kerjasama dalam membangunkan program akademik berkembar di antara KUIS dan rakan MoU juga mampu memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan KUIS. Program berkembar yang ditawarkan secara bersama oleh dua IPT mampu menarik minat lebih ramai pelajar untuk mendaftarkan diri dan seterusnya mengikuti pengajian sehingga tamat. Sebagai contoh, KUIS boleh bekerjasama dengan rakan IPT dari Indonesia, Brunei atau Singapura untuk menawarkan program ijazah sarjana muda dengan jumlah keseluruhan kredit sebanyak 140. Pelajar akan melengkapkan 70 kredit di kampus KUIS dan baki 70 kredit lagi di kampus rakan MoU KUIS. Kerjasama ini mewujudkan situasi menang-menang kepada KUIS dan rakan MoU kerana kedua-dua pihak dapat menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di kampus



masing-masing. Kaedah ini bukan sahaja memberikan pengalaman pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berharga kepada pelajar malahan membuka ruang kepada pelajar untuk menimba pengalaman hidup di negara luar. Peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa jauh perjalanan luas pemandangan. Pelajar yang mengikuti program berkembar sebegini diharapkan mempunyai kelebihan dari sudut pemikiran terbuka dan lebih matang dalam menilai sesuatu perkara dalam kehidupan.

Ketiga, MoU juga mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti dan kemahiran kakitangan KUIS terutamanya para pensyarah. Pertukaran pensyarah di antara KUIS dengan rakan MoU yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dapat membuka ruang untuk mereka menimba pengalaman P&P dan kemahiran pentadbiran dari institusi rakan MoU KUIS. Semua pengalaman dan kemahiran yang diperolehi melalui pertukaran tenaga kerja ini boleh digunakan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan oleh KUIS kepada pelajar dan masyarakat sekeliling. Kerjasama ini juga dapat dilanjutkan kepada pertukaran pelajar KUIS bertujuan membolehkan mereka membina keyakinan diri dan daya kepimpinan yang jitu bertepatan dengan pergaulan luas diperingkat antarabangsa.

Sebagai penutup, penganjuran seminar dan persidangan, pembangunan program akademik baharu dan pertukaran pensyarah/ pelajar adalah merupakan beberapa manfaat positif yang bakal diperolehi dari MoU yang dijalin oleh KUIS. Terdapat banyak lagi kebaikan dari MoU yang sedia untuk diterokai oleh KUIS umumnya dan akademi serta fakulti khususnya dalam usaha melakar nama institusi ini diperingkat antarabangsa.

KUNJUNGAN PROMOSI

5 PONDOK PESANTREN DI 3 PROVINSI DI INDONESIA

Oleh: Arief Handoko

Pada 14 hingga 17 Jun 2014, KUIS telah berkunjung ke tiga buah provinsi (negeri) di Indonesia iaitu Jakarta, Jawa Barat (JABAR) dan Banten bertujuan untuk mempromosi dan memasarkan program akademik KUIS bagi mendapatkan pelajar antarabangsa khususnya dari Indonesia. Peserta kunjungan ini terdiri dari Pengarah Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK), En. Mokthar Bin Hj Ismail dan pegawai Unit Jaringan Sekolah (Tempatan dan Antarabangsa), En. Arief Handoko.


Kunjungan KUIS disambut dengan mesra oleh pihak pengurusan dan juga para santri (pelajar) di semua pondok pesantren yang dikunjungi sepanjang empat hari berada disana. Sebagai makluman, pondok pesantren di Indonesia adalah setaraf dengan sekolah menengah di Malaysia. Secara purata, jumlah keseluruhan pelajar bagi setiap pondok pesantren ialah seramai 2,000 orang dan terdapat seramai 200 orang pelajar (10%) yang akan menduduki peperiksaan Evaluasi Belajar Tahap Akhir Nasional (EBTANAS) yang setaraf dengan Sijil tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Kunjungan dilakukan secara marathon selama tiga hari ke lima buah pondok pesantren di kawasan Jakarta, Jawa Barat (JABAR) dan Banten, iaitu seperti berikut:

1. Muhammadiyah Islamic Centre Boarding School, Desa Cipanas, Cipanas, Jawa Barat.
2. Madrasah Aliyah al-Asiah, Desa Ciriung, Cibinong, Bogor, Jawa Barat.
3. Darul Muttaqien Islamic Boarding School, Parung, Bogor, Jawa Barat.
4. Madrasah Aliyah Negeri 18 Jakarta (MAN 18), Pondok Kopi, Jakarta Timur.
5. Pondok Pesantren al-Quran Babussalam, Bandung (pertemuan bersama wakil pesantren di Pondok Kopi, Jakarta Timur).

Ringkasnya, kunjungan ini telah berjaya memperkenalkan KUIS kepada masyarakat di sana. Pengurusan dan pelajar pondok pesantren yang dikunjungi telah menyedari mengenai kewujudan KUIS dan peluang pengajian tinggi serta kemudahan yang disediakan oleh KUIS. Terdapat pelajar yang ditemui menyatakan minat untuk keluar negara dan menyambung pengajian di Malaysia khususnya di KUIS.

Kunjungan ke Indonesia ini adalah selaras dengan sasaran KUIS dalam usaha membawa masuk lebih ramai pelajar antarabangsa dari kejiranan ASEAN. Bahagian Pemasaran dan komunikasi (BPK) atau MARCOM mensasarkan seramai 100 pelajar setahun mulai Sesi II, 2014/2015. Strategi pemasaran yang jitu dan aktiviti promosi serta pemasaran yang agresif perlu dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut. Bantuan dan kerjasama dari semua pihak terutamanya dalam bentuk masa dan tenaga amat diperlukan.





PROGRAM KHIDMAT UMMAH : DEKATI GELANDANGAN

Oleh : Nurhayati Surip

Setiap insan yang diciptakan oleh Allah SWT mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap diri sendiri, keluarga, ummah dan makhluk Allah yang lain. Insan juga diciptakan sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi Allah SWT dan perlu melaksanakan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT.

Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah mengadakan Program Khidmat Ummah Dekati Gelandangan bertemakan "Masih Ada Yang Sayang" pada Sabtu, 17 Mei 2014 yang lalu bertempat di Rumah Safiyyah, Puncak Alam dan sekitar Bandar Klang.

Objektif utamanya ialah membantu badan-badan NGO menyalurkan bantuan dan sumbangan kepada golongan gelandangan bagi mengurangkan beban mereka serta mendalami dan berkongsi pengalaman tentang kisah hidup dan permasalahan sosial yang dihadapi golongan gelandangan.

Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan bersama 40 orang penghuni Rumah Safiyyah seperti gotong royong, senamrobik, persembahan, sukaneka, bacaan Yassin dan sebagainya.

Selain itu, aktiviti beramah mesra dan menziarahi lima buah keluarga gelandangan bagi menyumbangkan barang keperluan harian dan mengagihkan bekalan makanan kepada lebih kurang 60 orang gelandangan juga telah dilakukan pada hari tersebut. Program yang tamat sekitar jam 1.00 pagi ini memberikan pengalaman yang amat berharga kepada warga KUIS yang menyertainya.



ÇÍNTÁI ÍLMI TARANUM

BERSAMA USTAZ WAN FAKHRUL RAZI WAN MOHAMAD

(Oleh Norizatini Norali)



Ustaz Wan Fakhrul Razi (berdiri dua dari kiri) bergambar bersama sebahagian daripada qari dan qariah ketika perasmian Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 14 Mei 2014.

Penjagaan stamina dan kesihatan diri perlu diberi penekanan sekiranya seseorang itu berminat untuk menyertai dunia tilawah al-Quran secara serius. Sekiranya dua aspek ini tidak diendahkan, adalah sukar untuk seorang qari atau qariah itu menghadapi cabaran dan dugaan ketika sesi pertandingan.

Ini adalah antara tips yang dikongsi oleh Ustaz Wan Fakhrul Razi bin Wan Mohamad di dalam satu temu bual ekslusif bersama beliau.

Baru-baru ini, Ustaz Wan Fakhrul Razi telah mengharumkan nama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan mendapat johan qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri bagi Wilayah Persekutuan dan memperolehi tempat ketiga di dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke 57 yang berlangsung di Kuantan dari 14 Mei hingga 17 Mei 2014.

Ustaz Wan Fakhrul Razi sering berjoging untuk memastikan tahap stamina berada dalam keadaan yang baik. Menurut beliau, stamina yang tinggi berupaya untuk membantu seorang qari dan qariah itu mengawal pernafasan ketika pembacaan.

Beliau juga kurang mengambil makanan yang berminyak, pedas, buah yang bergetah dan minuman sejuk. Biasanya sebulan sebelum pertandingan, Ustaz Wan Fakhrul Razi akan mula menjaga pemakanan beliau.

"Penjagaan suara itu amat penting, kerana untuk seorang qari, suara itu adalah aset," kata beliau.

Sebagai seorang tenaga pengajar di Pusat Asasi KUIS, Ustaz Wan Fakhrul Razi sentiasa berharap kejayaan beliau berupaya menjentik minat pelajar-pelajar untuk mendalami ilmu al-Quran dan taranum.

Menyentuh tentang taranum, beliau amat bersemangat sekali setiap kali bercerita mengenainya. Jelas terbayang di wajah Ustaz Wan Fakhrul Razi rasa cinta yang mendalam terhadap ilmu ini.

Minat tersebut diperturunkan daripada bonda beliau sendiri iaitu Hajjah Mariam binti Ismail yang berketurunan Cina dan juga dorongan daripada ayahanda beliau, Tuan Guru Haji Wan Mohamad bin Haji Long yang berketurunan Arab Yaman. Ustaz Wan Fakhrul Razi mula berjinak di dalam dunia tilawah ketika beliau belajar pada peringkat sekolah rendah pada sekitar tahun 1980an.

"Saya masih ingat, setiap kali musim pertandingan al-Quran, arwah ibu saya akan merendamkan sebotol air asam jawa ke dalam dasar perigi dan dibiarkan semalam. Pada waktu subuh, ibu saya akan menyuruh saya minum (air asam jawa itu), manakala ayah saya pula sering mengingatkan saya mengambil sebijji telur ayam kampung pada waktu pagi." Jelas sekali, untuk menjadi seorang qari atau qariah, minat sahaja tidak mencukupi tanpa disertakan dengan kesungguhan yang mutlak.

Ustaz Wan Fakhrul Razi sentiasa bersedia untuk membantu sesiapa sahaja yang berminat dan mempunyai kesungguhan untuk mendalami ilmu taranum. Kepada beliau, ilmu ini wajib diperturunkan dan dipanjangkan kepada generasi lain agar roh al-Quran itu sentiasa terpelihara.

Antara anak didik beliau yang telah berjaya adalah juara Akademi al-Quran musim pertama, Abdullah Fahmi Che Nor al-Hafiz yang turut menyertai tilawah peringkat kebangsaan baru-baru ini sebagai wakil dari negeri Kelantan. Selain Abdullah Fahmi, anak-anak didik beliau yang lain adalah johan tilawah al-Quran peringkat negeri Pahang 2014 iaitu Ahmad Naeim Mohd al-Hafiz, johan tilawah al-Quran kategori kanak-kanak peringkat Negeri Sembilan iaitu adik Fawwaz Saleh Sani al-Hafiz dan peserta finalis tilawah al-Quran kanak-kanak melalui rancangan realiti Adik-adikku musim ke dua (tahun 2011) anjuran bersama JAKIM dan TV 9 iaitu adik Zaid Najmuddin Zul Akmal. Adik Zaid yang kini berusia 14 tahun, masih lagi mempelajari ilmu taranum daripada Ustaz Wan Fakhrul Razi.

Program kembawa gontor

Oleh : Abdul Halim Syihab

Alhamdulillah KUIS dapat kembali menghantar sejumlah 55 orang pelajar masa cuti semester 3 yang lepas untuk mengikuti program KEMBARA (Kursus Pemantapan Bahasa Arab) 2 di Pondok Darussalam Gontor Indonesia. Program ini adalah hasil kerjasama antara dua institusi iaitu KUIS dan ISID Gontor sebagai tindak lanjut MoU yang telah disepakati pada tahun 2011 yang silam. Program KEMBARA kali ini adalah kumpulan yang kedua dan sepenuhnya ditangani oleh Kelab Darussalam iaitu Kelab baru di KUIS yang ditubuhkan sebagai wadah untuk para peserta alumni 'batch' pertama tahun lepas. KEMBARA Gontor ke dua berlangsung dari 12 April hingga 07 June 2014 dan kedua Timbalan Rektor KUIS, Ybhg Dr. Mokmin Basri dan Dr. M. Shukri berkesempatan menghantar dan menghadiri penutupan. Program ini membawa hasil amat positif di kalangan peserta di mana mereka tidak hanya mendapat ilmu menguasai bahasa Arab secara aktif dalam keseharian, namun juga dapat merasapi kesederhanaan suasana Pondok dan belajar tentang nilai-nilai kehidupan dan akhlak yang mulia. Pihak Pondok Darussalam Gontor telah memfasilitasikan program ini dengan sangat baik hingga meninggalkan kesan yang tidak dapat dilupakan di kalangan peserta. Kini para peserta telah kembali ke kampus KUIS tercinta dan diharapkan dapat menularkan nilai-nilai baik yang mereka dapat ke rakan-rakan mereka di KUIS melalui partisipasi mereka didalam Kelab Darussalam.

Nota : Laras Bahasa Indonesia digunakan dalam penulisan artikel ini.



Selain Belajar Bahasa Arab, Peserta Kembara juga wajib menduduki Peperiksaan Al-Quran dan Tajwid



Mahkamah Bahasa diadakan bagi tempat dikenakan hukuman bagi pelajar Kembara Gontor yang bercakap bahasa selain bahasa arab.



Larian diadakan pada setiap hari jumaat agar kesemua peserta sentiasa sihat dan aktif untuk menjalani hari hari seterusnya



Pembelajaran di luar kelas, mahasiswa di beri peluang belajar menjahit. Ia juga termasuk dalam pembelajaran iaitu Nisaiyyat (keperempuanan).



Latihan manasik haji. Ia adalah sebahagian mata pelajaran fikih. mahasiswa berpeluang belajar cara-cara ibadah haji dan umrah dengan cara praktikal.



Percutian pertama di Sarangan. Rehlah para mahasiswi sambil menuntut ilmu. Setiap mahasiswi dikehendaki menjawab segala soalan berdasarkan pembelajaran didalam kelas yang diajukan oleh guru mengikut keupayaan masing-masing. Setiap jawapan akan di nilai oleh guru-guru yang menjaga.



Lawatan Peserta Kembara Gontor di Pondok Modern Darussalam Gontor 1.



Juara keseluruhan (debat, pidato, kemahiran mendengar, membaca berita, karangan dan sebagainya) telah dimenangi kumpulan Mahasiswa



Pertandingan Bahasa Arab di antara Peserta Kembara Gontor.



LAWATAN PENANDA ARAS FPM KUIS KE FEM USIM

Oleh : Aliah Zulkifli

Seramai lebih 10 orang kakitangan dan ketua-ketua jabatan di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah mengadakan lawatan ke Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) pada 20 Mei 2014 baru-baru ini.

Lawatan yang diketuai oleh Dekan FPM, Dr. Nor Hakimah Haji Mohd Nor, turut disertai Timbalan Dekan Hal Ehwal Mahasiswa Puan Siti Hawa Radin Eksan, dan lapan ketua-ketua jabatan di bawah FPM serta beberapa kakitangan FPM.

Menurut Dr. Nor Hakimah, lawatan yang diadakan itu mempunyai beberapa objektif iaitu untuk mengetahui dan memantau 'standard' dan prestasi bagi menambah baik pencapaian, proses dan amalan fakulti.

Katanya, lawatan itu juga bertujuan untuk mengetengahkan idea baru dalam merealisasikan matlamat fakulti dan universiti selaras dengan Pelan Strategik KUIS.

"Terdapat beberapa objektif lain iaitu menyediakan kerangka untuk perubahan dan penambahbaikan, menstruktur perancangan dan matlamat, menambah baik proses membuat keputusan melalui rujukan data perbandingan."

"Juga, mempertimbangkan bahan rujukan luaran dalam perancangan aktiviti dalaman serta mengadakan hubungan baik dengan universiti lain yang menjadi penanda aras fakulti, samada di peringkat pelajar, pensyarah dan fakulti," katanya.

Turut menyambut kedatangan rombongan dari FPM adalah Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM, Dr. Amir Shaharuddin, Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), Dr. Nurul Aini Mohamed, dan beberapa ketua program Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM.

Sepanjang kira-kira dua jam perbincangan yang diadakan terdapat beberapa pengalaman baru yang ditimba oleh rombongan daripada FPM yang dipercayai boleh diaplikasikan di KUIS.

PROGRAM KHIDMAT UMMAH : LAWATAN MAHABBAH KE HOSPITAL SERDANG

Oleh : Nurhayati Surip



Dalam usaha melahirkan masyarakat yang beriman dan bertaqwa serta mengamalkan sepenuhnya tuntutan Islam dalam kehidupan, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah mengadakan satu Program Lawatan Mahabbah ke Hospital Serdang dengan kerjasama Bahagian Pemulihhan Al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Seramai 35 warga kerja KUIS dan wakil Majlis Perwakilan (MPP) telah berkesempatan untuk mengikuti Program Khidmat Ummah Lawatan Mahabbah ke Hospital Serdang, Selangor yang telah diadakan pada hari Khamis, 26 Jun 2014 dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

Objektif utama lawatan ini ialah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam menjalankan aktiviti Dakwah Islamiyah, mengeratkan hubungan antara warga KUIS dan pesakit, mengambil iktibar daripada ujian Allah kepada pesakit, menimba pengalaman dan memahami emosi dan perasaan pesakit disamping memberikan informasi tentang kaedah pelaksanaan pengurusan ibadah solat kepada pesakit.

Alhamdulillah seramai 200 orang pesakit telah menerima sumbangan berbentuk keperluan harian dan program ini telah berjaya dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan.




LAWATAN MAHABBAH PIHAK SEKSYEN ALUMNI & RUNDINGCARA KE ICAN UITM SHAH ALAM

Oleh : Seksyen Alumni & Rundingcara

Seksyen Alumni & Rundingcara, Bahagian Pembangunan Mahasiswa bersama Persatuan Alumni KUIS telah menjalankan lawatan Mahabbah Alumni ke Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN) UITM Shah Alam pada 22 Mei 2014 yang lalu.

Ahli rombongan terdiri seramai 10 orang yang diketuai oleh Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa & Alumni Dr Mokmin Bin Basri. Tujuan utama adalah untuk mengadakan perbincangan dan perkongsian idea selanjutnya membina jaringan lestari di antara Alumni UiTM dan Alumni KUIS.



 **Salam Ramadhan**
DARI KAMI SIDANG PENGARANG BULETIN HORIZON

